

# Ikuti kami

Follow us

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Public Service Department

Perkembangan Terkini

Our Latest Updates

**facebook**  
PASKOM

Foto/Aktiviti/Tips  
Photos/Events/Tips



+

**facebook** JPA

Iklan/Tawaran/Pekeliling  
Advertisements/Offers/Circular



**twitter** JPA2day

Foto/Aktiviti/Tips  
Photos/Events/Tips



+

*Instagram* JPA2day

Foto/Aktiviti/Tips  
Photos/Events/Tips



Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Mohamad Zabidi Zainal

@ZabidiZainal



Dato' Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad  
Timbalan Ketua Pengarah  
Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

Sharifah Zarah



Dato' Seri Zainal Rahim Bin Seman  
Timbalan Ketua Pengarah  
Perkhidmatan Awam (Operasi)

Zainal Rahim Bin Seman

@ZainalRahims



**Maklumat lanjut, sila layari:**

Further information please visit:

[www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

03-8000 8000

**TRANSFORM**  
JPA



Sumbangan Berita: Warga JPA

Penerbitan : Pasukan Komunikasi, Jabatan Perkhidmatan Awam

Percetakan : Unit Dokumentasi, Jabatan Perkhidmatan Awam

Buletin ini juga boleh dilayari secara digital di Portal JPA

**Isu Kali Ini >>>**

- ◆ KARNIVAL 1PESARA
- ◆ LAWATAN TURUN PADANG
- KPPA KE DBKL
- ◆ SEMINAR INOVASI SEKTOR AWAM 2014



KUPASAN PERJALANAN TRANSFORMASI JPA

# SEKITAR



ISU  
09

16-28 SEPT 2014

## KARNIVAL 1PESARA

Pada 23 & 24 September 2014, Karnival 1Pesara telah diadakan di MAEPS, Serdang. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia (YBhg.) Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) dan turut dihadiri oleh barisan kepimpinan tertinggi kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan wakil-wakil persatuan pesara. Seramai 10,000 pengunjung telah hadir ke karnival yang diadakan selama dua hari ini.



## SAMB.—KARNIVAL IPESARA

Selaras dengan tema, "Melakar Perubahan: Pesara Produktif Menelusuri Kesejahteraan", karnival ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pesara dan bakal pesara Kerajaan mengenai pengurusan kewangan, penjagaan kesihatan dan peluang menambah pendapatan menerusi bidang keusahawanan. Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang tempoh karnival berlangsung, antaranya seminar pengurusan kewangan dan pembangunan keusahawanan, klinik pemeriksaan dan penjagaan kesihatan, padanan kerjaya, sesi *pitching* bersama agensi penyedia dana, program *MyBestBuy* dan pameran oleh agensi Kerajaan dan swasta.

Karnival yang julung-julung kali diadakan ini merupakan salah satu inisiatif terbaru oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Sumber Manusia menerusi pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Melalui NBOS, JPA turut memperkenalkan *1Malaysia Civil Service Retirement Support* (1MCSRS) untuk menjaga kebijakan pesara penjawat awam.

Dalam hubungan ini, empat perkara telah digariskan sebagai teras yang memayungi inisiatif 1MCSRS iaitu:

**Aspek Pertama:** Kesejahteraan pesara yang meliputi aspek pembelajaran sepanjang hayat dan bantuan khidmat kerohanian.

**Aspek Kedua:** Bekerja semula yang menyediakan panduan kepada pesara yang masih ingin menabur bakti kepada masyarakat.

**Aspek Ketiga:** Kelangsungan penjagaan kesihatan yang meliputi kemudahan perubatan dan laluan pantas atau Rapid Lane yang disediakan bagi pesara mendapatkan khidmat nasihat kesihatan.

**Aspek Keempat:** Keusahawanan dan Kewangan yang meliputi penyediaan maklumat berhubung keusahawanan bagi pesara yang berhasrat untuk menceburkan diri dalam bidang tersebut dan juga maklumat berkaitan pengurusan kewangan.

Menurut YBhg. Tan Sri KPPA, Karnival 1Pesara dan 1MCSRS merupakan bukti keprihatinan Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan yang holistik dan merentasi pelbagai agensi untuk semua pesara Kerajaan. Hasrat Kerajaan adalah memberi pendedahan dari segi pengetahuan, kemahiran dan peluang kepada sejumlah 610,000 pesara Kerajaan bagi membantu meningkatkan lagi pendapatan bulanan, memudahkan kehidupan dan memberi keselesaan setelah bersara.

Di samping itu, YBhg. Tan Sri KPPA menyarankan agar para pesara terus produktif semasa menyusuri alam persaraan dan membantu Kerajaan dalam menjelaskan dasar-dasar dan program-program Kerajaan kepada rakyat. Antara program-program yang boleh dijelaskan adalah Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan pelaksanaan *Goods and Services Tax* (GST) yang boleh memberi banyak manfaat kepada rakyat dan negara. Beliau yakin dan percaya bahawa berbekalkan sikap produktif dan patriotisme yang tinggi, para pesara akan bersama-sama menyokong agenda transformasi negara yang sedang giat dijalankan.



## SEMINAR INOVASI SEKTOR AWAM 2014

Pada 22 & 23 September 2014, Seminar Inovasi Sektor Awam 2014 telah diadakan dengan kolaborasi antara Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), JPA dan Universiti Sains Malaysia (USM). Dalam seminar ini, buku 'Kreativiti dan Inovasi Menjana Insan Produktif' terbitan kerjasama JPA dan USM turut dirasmikan.

Yang Berbahagia (YBhg.) Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah dijemput untuk merasmikan Seminar ini. Dalam ucapan beliau, YBhg. Tan Sri KPPA amat menggalakkan penjawat awam agar bersikap kreatif dan inovatif dalam penyampaian dan penyebaran maklumat kepada pelanggan agar rakyat menerima transformasi dan perubahan yang sedang dijalankan oleh kerajaan.

Selain itu, penjawat awam juga mempunyai tanggungjawab untuk menyokong dan membantu Kerajaan menyebarluaskan program yang berteraskan Transformasi agar rakyat mempunyai kefahaman yang jelas tentang objektif dan matlamat sesuatu program diadakan.

Seminar yang akan diadakan selama dua hari ini melibatkan penyertaan seramai 300 orang penjawat awam dari 200 agensi dari dalam dan luar negara.



## **MAJLIS PENYAMPAIAN AMANAT KETUA PERKHIDMATAN BERHUBUNG URUSAN PEMANGKUAN PTD GRED M48 KE GRED M52 & PTD GRED M44 KE GRED M48**

Pada 5 September 2014, Majlis Penyampaian Amanat Ketua Perkhidmatan berhubung Urusan Pemangkuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred M48 ke Gred M52 dan PTD Gred M44 ke Gred M48 telah diadakan di Auditorium Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Surat pemangkuan telah diserahkan oleh Yang Berbahagia (YBhg.) Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA). Seramai 56 orang pegawai diberikan pemangkuan ke Gred M52 dan seramai 100 orang pegawai diberikan pemangkuan ke Gred M48.

Dalam amanat YBhg. Tan Sri KPPA, beliau menyarankan agar pegawai PTD berfikir secara kritis dan analitikal serta mengeluarkan lebih banyak idea baharu. Namun begitu, penyampaian idea tersebut haruslah berhemah dan melambangkan keunggulan skim PTD. Selaras dengan itu, pegawai-pegawai digalakkan untuk meneruskan pengajian ke peringkat sarjana samada secara sepenuh masa atau pun separuh masa bagi meningkatkan pengetahuan dan kompetensi diri. Kelayakan di peringkat ijazah sarjana di masa hadapan akan menjadi satu keperluan dalam kemajuan kerjaya seseorang pegawai untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi.

Sewaktu pelancaran Pameran PTD, YAB Perdana Menteri telah menggariskan empat nilai murni sebagai pegangan PTD iaitu kesetiaan, dedikasi, kecekapan dan integriti. YAB Perdana Menteri menyeru kepada semua pegawai untuk bersama-sama menghayati nilai-nilai murni yang digariskan ini bagi memperkasa dan memperkemas penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

Dalam agenda transformasi Kerajaan, membudayakan transformasi sikap, pemikiran dan pendekatan haruslah bermula terlebih dahulu dalam perkhidmatan awam. Justeru, melalui penerimaan surat pemangkuan ini, PTD perlu lebih memahami, menjiwai dan memperkuuhkan diri sebagai penjawat awam yang mendokong agenda transformasi Kerajaan.



## **AMANAT KPPA DAN PENYAMPAIAN SURAT PENEMPATAN PESERTA DIPLOMA PENGURUSAN AWAM (DPA) BIL. 1/2014**

Pada 23 September 2014, Amanat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) dan Majlis Penyampaian Surat Penempatan Peserta Kursus Diploma Pengurusan Awam (DPA) Bilangan 1/2014 telah dilangsungkan di Auditorium Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Kursus DPA ini merupakan kursus buat kali terakhir bagi Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) yang telah dilantik disebabkan kursus ini telah ditransformasikan menjadi Kursus Kadet PTD.

Dalam amanat beliau kepada seramai 543 orang peserta kursus, Yang Berbahagia (YBhg.) Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, KPPA berpesan agar mereka sentiasa berpegang teguh kepada nilai integriti dan patriotisme kepada Kerajaan dan negara dalam menjalankan tugas. Di samping itu, mereka juga hendaklah meningkatkan ciri-ciri kepimpinan dengan mengembangkan proses pembelajaran kendiri melalui pembacaan, kursus dan seminar, pementoran dan pemerhatian keadaan sekeliling.

Para peserta juga hendaklah menyediakan diri untuk menjadi *thinkers, planners and implementers* yang cekap bagi dasar-dasar kerajaan dengan mengambil kira ekspektasi dan kehendak rakyat. Ini bertepatan dengan pembudayaan lapan prinsip ke arah meningkatkan prestasi penjawat awam yang telah disampaikan oleh YAB Perdana Menteri sempena Sambutan Hari Pekerja tahun ini.

Seterusnya, YBhg. Tan Sri KPPA berharap agar para peserta yang merupakan berlian yang tergilap akan terus bersinar dan menjadi pemacu kepada transformasi perkhidmatan awam, seterusnya meneruskan legasi kegemilangan PTD. Melalui amanat yang telah disampaikan, para peserta dipercayai mampu untuk menjadi penjawat awam yang berprestasi tinggi, berintegriti, dinamik dan berjiwa rakyat ke arah mewujudkan negara berpendapatan tinggi, inklusif dan lestari.



## MAJLIS PENYERAHAN SURAT PEMANGKUAN DAN PERTUKARAN KEPADA PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N27 KE N32, N32 KE N36 DAN PEMBANTU TADBIR GRED N17 KE N22



Pada 8 September 2014, Majlis Penyerahan Surat Pemangkuan dan Pertukaran kepada Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 ke N32, Gred N32 ke N36 dan Pembantu Tadbir Gred N17 ke N22 telah berlangsung di INTAN Kampus Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Surat pemangkuan dan pertukaran telah diserahkan oleh Yang Berbahagia (YBhg.) Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA).

Dalam amanat beliau, YBhg. Tan Sri KPPA berpesan kepada para pegawai untuk menyokong agenda transformasi perkhidmatan awam yang sedang rancak diadakan dan melaksanakannya dengan sepenuh hati, berintegriti, bertanggungjawab serta taat setia. Tugas dan tanggungjawab yang dipikul dalam membantu pelaksanaan sebarang program Kerajaan perlu diambil serius dan dilaksanakan dengan teliti, proaktif, kreatif dan inovatif agar kualiti penyampaian perkhidmatan awam yang diberikan kepada rakyat berada di tahap tertinggi.

Majlis ini merupakan satu lagi manifestasi keprihatinan YBhg. Tan Sri KPPA kepada penjawat awam pelbagai peringkat. Melalui penerimaan surat pemangkuan dan pertukaran ini, para pegawai akan lebih bersemangat dan berdedikasi untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab di jawatan dan jabatan yang baru.



## LAWATAN TURUN PADANG KPPA KE DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Pada 8 September 2014, buat julung-julung kalinya Yang Berbahagia (YBhg.) Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) telah mengadakan lawatan turun padang ke Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Lawatan yang turut dihadiri oleh barisan kepimpinan tertinggi JPA telah disambut mesra oleh YBhg. Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikshan, Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan dan YBhg. Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib, Datuk Bandar Kuala Lumpur serta warga DBKL.

Program ini merupakan salah satu daripada prinsip "Merakyatkan Perkhidmatan Awam" yang disarankan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara. Program seumpama ini diadakan untuk memberi peluang kepada JPA mendekati dan memahami dengan lebih mesra hati budi, tugas serta cabaran warga DBKL. Dalam amanat YBhg. Tan Sri KPPA kepada seramai 400 orang warga DBKL, beliau berharap agar warga DBKL menyokong dan memberi komitmen padu kepada JPA yang sedang menyebarluaskan agenda transformasi perkhidmatan awam. Ini selaras dengan Teras Strategik Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam yang keempat Merangkum & Sepunya iaitu Memperluaskan Jaringan Kerja & Kolaborasi Strategik (Multiple-Helix) Dalam dan Luar Negara. Teras ini sememangnya bertepatan dengan hasrat JPA untuk menjalin hubungan erat dengan Kementerian, Jabatan dan agensi awam serta swasta.

Selain itu, beliau juga menggesa agar perbincangan bersama agensi Kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) dilakukan dengan lebih intensif dalam usaha mengatasi isu-isu sosial seperti isu gelandangan, setinggan dan penjaja haram. Inisiatif ini bertepatan dengan pendekatan inovasi sosial yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 September 2014 agar penjawat awam bersikap lebih terbuka untuk menerima maklum balas rakyat tentang kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

Beliau juga berharap agar DBKL terus bersikap empati dalam mendengar maklum balas dan rintihan rakyat terhadap masalah yang mereka hadapi. DBKL perlu bertindak segera dalam usaha menambah baik kualiti penyampaian sekaligus meningkatkan persepsi rakyat terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh Kerajaan secara umumnya dan DBKL secara khususnya.

